

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
AWANA GOLF & COUNTRY RESORT, GENTING HIGHLANDS
MAJLIS PERASMIAN SEMINAR KEPIMPINAN BADMINTON
26 JANUARI 1994**

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Persatuan Badminton Malaysia kerana menjemput saya pada hari ini untuk merasmikan Seminar Kepimpinan Badminton yang bertemakan 'Badminton Ke Arah Tahun 2000'.

2. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Persatuan Badminton Malaysia di atas usaha mereka untuk menganjurkan seminar ini yang merupakan kali pertama diadakan di negara ini. Saya berasa bangga melihat kehadiran begitu ramai para pemimpin badminton dari setiap negeri dan ini mencerminkan minat, kegigihan dan kesungguhan mereka untuk mengambil bahagian dalam seminar ini. Saya mengucapkan syabas kepada mereka.

3. Pada umumnya, setiap jenis sukan di negara ini telah melalui pelbagai peringkat perkembangan dan pembangunan. Program-program pembangunan telah diatur dengan teliti tetapi apabila ianya dilaksanakan, ada yang menemui kejayaan dan tidak kurang juga yang menemui kegagalan. Pemimpin-pemimpin sukan seharusnya tidak berputus asa, sebaliknya mereka haruslah terus berusaha mencari jalan dan penyelesaian hingga matlamat mereka dicapai serta dengan penuh kecemerlangan.

4. Usaha Kerajaan untuk mengintegrasikan dan menyatupadukan masyarakat berbilang kaum melalui sukan sedikit sebanyak sudah tercapai. Ini terbukti apabila rakyat dari semua lapisan masyarakat berganding bahu untuk memberi sokongan moral serta semangat yang jitu kepada pasukan kita di gelanggang-gelanggang pertandingan pelbagai acara sukan antarabangsa.

5. Dalam badminton pula, kejayaan kita merampas kembali Piala Thomas pada tahun 1992 hendaklah dijadikan sebagai pendorong bagi menyemarakkan lagi semangat pemain-pemain muda kita untuk meningkatkan prestasi mereka sebagai jaguh terkemuka negara.

6. Secara tradisi, sukan badminton di negara ini amat popular dan digemari oleh semua lapisan masyarakat, sama ada daripada golongan orang dewasa ataupun remaja, dari kampung-kampung atau bandar-bandar. Orang dewasa menganggap bermain badminton sebagai satu rekreasi sosial yang sihat. Tetapi ianya berlainan pula di kalangan pemain-pemain remaja. Sejak kebelakangan ini, kita dapat melihat begitu ramai pemain-pemain muda, sejak kecil lagi, atas galakan daripada ibu bapa mereka, menyertai sukan ini dengan penuh minat dan kesungguhan. Ada antara ibu bapa yang berkemampuan menghantar anak-anak mereka kepada jurulatih-jurulatih tertentu untuk dilatih secara sistematik dengan bayaran yang tinggi. Kebanyakan daripada ibu bapa pula mengajar dan melatih anak-anak mereka sendiri dengan pengetahuan dan

pengalaman mereka sebagai pemain. Tidak kurang juga anak-anak muda kita dengan sendirinya mencari gelanggang untuk bermain dan bersaing sesama sendiri.

7. Kini kita dapati banyak kemudahan sukan, seperti dewan dan gelanggang badminton, telah didirikan sama ada oleh pihak Kerajaan ataupun swasta di mukim-mukim, daerah dan bandar-bandar. Di samping itu, kemudahan-kemudahan ini juga didapati di sekolah-sekolah, kelab-kelab sukan dan tempat-tempat rekreasi yang lain bagi menampung keperluan masyarakat yang berminat dalam sukan ini. Sungguhpun demikian jelas sekali bahawa ianya masih tidak mencukupi.

8. Justeru itu, maka B.A.M. sebagai sebuah badan sukan yang bertanggungjawab perlulah memikir dan merancang sesuatu untuk memaju dan memperkembangkan lagi sukan ini seluas-luasnya supaya minat yang ditonjolkan itu tidak dipersia-siakan, malah digalakkan lagi. Satu kajian atau perancangan yang menyeluruh dengan bantuan daripada semua pihak yang berkaitan harus dijalankan. Umpamanya, menyediakan beberapa kemudahan dewan dan gelanggang badminton, sama ada terbuka ataupun tertutup, di kampung-kampung, mukim-mukim dan bandar. Di samping kemudahan-kemudahan tersebut, adalah penting juga disediakan jurulatih-jurulatih yang mencukupi untuk membantu anak-anak muda kita, terutamanya di peringkat sekolah, mengenai aspek-aspek asas yang betul dalam permainan badminton ini.

9. Saya percaya, dengan keikhlasan dan kejujuran serta sikap bantu membantu oleh pemimpin-pemimpin, pegawai-pegawai, jurulatih-jurulatih, pemain-pemain dan semua pihak yang terlibat di semua peringkat, iaitu baik di peringkat negeri ataupun pusat maka segala impian kita untuk mencapai kecemerlangan dalam sukan badminton hingga ke tahun-tahun akan datang dan seterusnya akan menemui kejayaan.

10. Saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Persatuan Badminton Malaysia, pihak penaja iaitu 'Resort World' dan semua pihak yang terbabit dalam menjayakan Seminar Kepimpinan Badminton ini. Kepada para peserta sekalian, saya mengucapkan 'Selamat Berseminar' dengan harapan agar Seminar ini akan memberi manfaat kepada semua yang terlibat.

11. Dengan harapan ini, maka saya dengan sukacitanya merasmikan Seminar 'Badminton Ke Arah Tahun 2000'.

Sekian, terima kasih.